NOTIS SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Maran dengan Gred, kategori dan pengkhususan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Butir-butir Tawaran	Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen Sebutharga	Tarikh Dan Tempat Lawat Tapak	Tarikh Pembelian
MDM / SH / 76/ 2026	Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Gelanggang Futsal Felda Sungai Nerek Serta Kerja-kerja Berkaitan, Maran, Pahang Darul Makmur.	**Gred G1** Kategori Awam, Pengkhususan CE21	**RM20.00** (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Maran**	Kontraktor dibenarkan melawat sendiri kawasan atau tapak cadangan projek yang dinyatakan dalam sebutharga ini. Sesi lawatan tapak ini **tidak diwajibkan**	01.09.2026 (Selasa) hingga 04.09.2026 (Jumaat) 8:30 pagi hingga 4:30 petang di Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Maran
MDM / SH / 77/ 2026	Membaik Pulih Mercu Tanda Tulisan Maran Serta Kerja-kerja Berkaitan, Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 78/ 2026	Meroboh Dan Membina Baharu Stor Dan Nurseri Majlis Daerah Maran, Maran, Pahang Darul Makmur.				
MDM / SH / 79/ 2026	Penyelenggaraan Jalan, Longkang Dan Pemangkasan Pokok Di Jalan Sekolah, Pekan Tajau (ID:157347) Dan Kawasan Sekitarnya, Maran, Pahang Darul Makmur				
MDM / SH / 80/ 2026	Penyelenggaraan Jalan, Longkang Dan Pemangkasan Pokok Di Jalan Bandar Baru Chenor (ID:157501) Dan Kawasan Sekitarnya, Maran, Pahang Darul Makmur				
MDM / SH / 81/ 2026	Penyelenggaraan Jalan, Longkang Dan Pemangkasan Pokok Di Taman Lamanda Siantan Jengka 19 (ID:17403), Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Maran, Pahang Darul Makmur	**Gred G2** Kategori Awam, Pengkhususan CE21	**RM50.00** (Tunai/ Debit Kad/ Cek/ Wang Pos/ Kiriman Wang Pos/ Bank Deraf) Atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Maran**		

2. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **Kontraktor yang sah** dibenarkan membuat pembelian sebutharga. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah mendaftarkan Lesen Kontraktor dengan Majlis Daerah Maran bagi Tahun 2026 dengan mengemukakan **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** (PPK) daripada CIDB, **Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** (SSPK) daripada CIDB, **Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)** daripada PPK dengan Gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dalam tempoh yang sah. Pihak kontraktor juga perlu mengemukakan **Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan** daripada SSM yang masih dalam tempoh sah, **Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** daripada LHDN dengan status PATUH serta mendaftarkan Lesen Perniagaan dengan Majlis Daerah Maran dan mengemukakan **salinan resit pembayaran (bil lesen)** bersama-sama dokumen sebutharga yang dikemukakan.

3. Kontraktor juga hendaklah mengemukakan **penyata bank 3 bulan semasa** bersama-sama dokumen sebutharga bagi tujuan penilaian modal kewangan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (P.K. 2.9) semasa.

4. Kontraktor hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk melawat tapak, pembelian serta penyerahan dokumen sebutharga. Jabatan ini tidak bertanggungjawab di atas sebarang urusan pergerakan kontraktor. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Maran pada **07 September 2026 (Isnin) selewat-lewatnya jam 12:00 tengahari**. Pihak Majlis tidak akan menerima dokumen sebutharga yang lewat daripada tempoh yang ditetapkan. Majlis Daerah Maran juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" TELITI PASTI BERKUALITI "

Saya yang menjalankan amanah,

Muhamad Anuar Zaidin bin Mohd Yusoff @ Ahmat, AMP.
YANG DIPERTUA
Majlis Daerah Maran
Tarikh : 24 Ogos 2026

MAJLIS DAERAH MARAN

RALAT NOTIS SEBUTHARGA

MDM/SH/76/2026 - MDM/SH/81/2026

BUTIR-BUTIR RALAT

Merujuk kepada Iklan bertarikh
24 Ogos 2026

Nombor Sebut Harga adalah bermula
dari MDM/SH/78/2026 sehingga MDM/SH/83/2026

bukan
dari MDM/SH/76/2026 sehingga MDM/SH/81/2026

JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS DAERAH MARAN
26500 MARAN
PAHANG DARUL MAKMUR

MAJLIS DAERAH MARAN 26500 MARAN PAHANG